# ڤرخدمتن عوام
# براينتيݢريتي دان براينوۏاسي
# ڤمڠكين ڤمباڠونن نݢارا

# PERKHIDMATAN AWAM
# BERINTEGRITI DAN BERINOVASI
# PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota**
**Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia**
**Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,**
**D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.**

**Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**

**Petikan Titah**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM**
**KALI KE-25, TAHUN 2018**

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Pada hari Rabu, 22 Safar 1440 bersamaan 31 Oktober 2018.

Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem.

Alhamdulillahi Rabbil ‘Alameen, Wabihiee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu’ Wassalaamu ‘Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa’alaa Aalihee Wasahbihee Ajma’een, Waba’du.

Marilah kita sama-sama bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta’ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berkumpul pada pagi ini di **Majlis Kemuncak Hari Perkhidmatan Awam.**

Pada tahun ini adalah merupakan kali ke-25 tahun kita menyambut Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Selaras dengan tema **‘Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif’**, Beta berharap usaha-usaha menggerakkan Perkhidmatan Awam dengan penglibatan sektor swasta akan terus digiatkan. Beta mahu Perkhidmatan Awam akan meneroka pendekatan lebih berkesan dalam tugasnya memberikan perkhidmatan.

Perkhidmatan Awam selaku jentera pembangunan negara, tidak boleh berhenti dari mencari jalan ke arah menambahbaikkan lagi mutu perkhidmatan untuk rakyat dan negara. Memang keadaan sekarang semakin kompleks dan mencabar. Namun inilah juga masanya untuk kita melihat Perkhidmatan Awam mampu untuk mengatasi sebarang tengkarah atau kesulitan.

Para pemimpin yang berjiwa besar dalam Perkhidmatan Awam, perlu lebih peka terhadap orang bawahan mereka. Tugas dan tanggungjawab mereka bukan sekadar menjadi ketua di dalam jabatan atau bahagian atau unit, tetapi juga bersedia untuk memberikan tunjuk ajar atau bimbingan kepada orang bawahan jika mereka itu berhadapan dengan sebarang kesulitan. Inilah namanya keprihatinan pemimpin terhadap anak buah.

Di samping mempunyai sifat timbang rasa, pemimpin juga tentunya memiliki kelebihan-kelebihan lain seperti ilmu dan pengalaman. Maka sehubungan ini, Beta menyambut baik usaha Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk mengenalpasti pegawai-pegawai muda di dalam Perkhidmatan Awam yang mempunyai bakat kepimpinan. Mereka akan diasuh di bawah Program Eksekutif Muda iaitu *Young Executive Programme (YEP)*. Beta mahu pihak yang berkenaan akan sentiasa memastikan program ini berjalan dengan teratur sehingga mencapai objektif yang dihasratkan.

Ini semua kita rancang ialah untuk menghasilkan 'Modal Insan Perkhidmatan Awam' yang mempunyai nilai moral yang tinggi berpaksikan Islam, yang mencakupi sifat jujur, ikhlas, amanah dan cekap.

Ini juga ada hubungannya dengan usaha melalui 'Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang' yang telah dilaksanakan penilaiannya oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Dengan adanya penarafan ini, Beta berharap agensi-agensi kerajaan akan terus mempertingkatkan lagi urustadbir agensi masing-masing demi kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Menyentuh inovasi dalam Perkhidmatan Awam, Beta menyambut baik inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam yang meneliti semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam dengan memperkenalkan satu anugerah baru yang dikenali sebagai 'Anugerah Inovasi Perdana', seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam.

Beta percaya dengan adanya anugerah ini nanti, dapatlah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam. Inilah harapan semua dan harapan negara.

Akhirnya kepada penerima-penerima Anugerah 3PSA, Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Anugerah Penghargaan Khas Kakitangan Perkhidmatan Awam, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Beta berharap penganugerahan dan penghargaan ini akan dapat memberikan motivasi dan sumber inspirasi kepada semua warga Perkhidmatan Awam untuk bekerja lebih gigih mempertingkatkan tahap kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**KANDUNGAN**


| | |
|---|---|
| Sekapur Sirih | 1 |
| Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 | 6 |
| Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam | 7 |
| Tema-Tema Hari Perkhidmatan Awam Tahun 2007 - 2018 | 9 |
| Ikrar Perkhidmatan Awam | 11 |
| Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) | 13 |
| Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) | 17 |
| Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB$^2$PA) | 31 |
| Penerima-Penerima Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB$^2$PA) | 35 |
| Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) | 49 |
| Anugerah Inovasi Perdana (AIP) | 61 |
| Kumpulan-Kumpulan Yang Menyertai Anugerah Inovasi Perdana (AIP) | 65 |
| Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25, Tahun 2018 | 89 |
| Khutbah Jumaat Khas Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26, Tahun 2019 | 95 |
| Acara Keagamaan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26, Tahun 2019 | 99 |
| Program Masjidku Makmur Negara Berkat | 103 |
| Riadah Amal Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26, Tahun 2019 | 107 |
| Perangkaan Perkhidmatan Awam | 111 |
| Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26, Tahun 2019 | 117 |
| Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26, Tahun 2019 | 123 |

# SEKAPUR SIRIH

# SEKAPUR SIRIH

بسم الله الرحمن الرحيم



الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, tahun ini sekali lagi kita sama-sama meraikan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Perkhidmatan Awam membawa tema "Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara" selaras dengan era digital masa kini yang membawa maksud Perkhidmatan Awam sebagai tunggak dan nadi utama dalam menggerakaktifkan sumber tenaga manusia dan pemangkin kepada pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Setiap penjawat awam perlu menerapkan budaya berintegriti dan berinovasi ke arah menaiktaraf kualiti Perkhidmatan Awam yang cemerlang dan berdaya tahan.

Justeru itu, nilai integriti dalam Perkhidmatan Awam hendaklah sama-sama ditanai oleh semua lapisan pegawai dan kakitangan tanpa mengira peringkat dan kedudukan. Dengan perubahan-perubahan pesat global, cabaran perkembangan ekonomi serta keperluan dalam meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam, Kerajaan amat memerlukan warga Perkhidmatan Awam yang bukan sahaja mahir dan efisien, malahan dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam memastikan Perkhidmatan Awam yang unggul, berwibawa dan sentiasa bergerak menuju ke hadapan berteraskan konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Dalam kesempatan ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2019, di mana antara lain Baginda telah mengingatkan kita agar tidak sekali-kali lari dari nilai-nilai luhur yang telahpun menjadi pegangan semenjak dari beratus tahun lagi yang mana nilai itu adalah berkonsepkan falsafah Melayu Islam Beraja. Baginda juga menyeru rakyat dan penduduk supaya menguatkan lagi azam dan usaha untuk menjadi masyarakat yang lebih proaktif, produktif dan berintegriti dalam menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Hal ini juga berkait rapat dengan nilai-nilai warga Perkhidmatan Awam terutamanya di dalam melaksanakan sesuatu tugasan atau pekerjaan yang mana ianya perlu diambil perhatian serius antaranya sepertimana yang dinyatakan di dalam Rukun Akhlak Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam iaitu sentiasa bersikap bersih, jujur dan amanah. Sifat jujur dan amanah itu sangat penting kerana sifat tersebut akan dapat memelihara diri seseorang itu daripada berbuat khianat, pilih kasih, hasad dengki, zalim, melakukan rasuah, penipuan dan penyelewengan dalam pekerjaan, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan bagi kepentingan peribadi, sentiasa menyalahkan orang lain dan sebagainya.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 2019 tersebut, Baginda juga menyeru agar semua lapisan rakyat mestilah sentiasa konsisten ke hadapan dan bukannya berundur ke belakang. Inilah yang dinamakan kita membangun dengan semangat juang. Baginda menekankan lagi bahawasanya perkara ini amat penting dalam memastikan bangsa tidak dipaliti oleh sindrom malas.

Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa bersedia untuk berubah dan sentiasa memperbaiki dan meningkatkan mutu kerja ke arah pencapaian yang cemerlang termasuklah melalui pembudayaan budaya kerja yang berinovasi. Inovasi yang dihasilkan berupaya menambah nilai semasa serta membawa transformasi daripada amalan sedia ada kepada amalan yang lebih baik. Matlamat utama pembudayaan inovasi dalam Perkhidmatan Awam adalah untuk meningkatkan kepuasan hati semua pihak yang berkepentingan terutamanya orang awam. Ini juga telah ditekankan dalam titah Baginda sempena Tahun Baru Masihi 2019, yang mana Baginda menyeru agar kita akan terus bergerak ke hadapan untuk menemui sasaran, dalam makna, keperluan negara dan rakyat adalah diutamakan.

Saya menyeru bagi semua peringkat warga Perkhidmatan Awam untuk sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran daripada firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Ar-Raad ayat 11 yang menghendaki kitani semua untuk berusaha dan bekerja keras ke arah kebaikan dan kemanfaatan semua.

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنْفُسِهِمْ

*"Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."*

Melalui Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Tahun 2019 ini juga, buat julung kalinya kita akan menyaksikan satu anugerah baru yang dikenali sebagai "Anugerah Inovasi Perdana (AIP)" yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam di Negara Brunei Darussalam melalui penaiktarafan dan penggabungan antara Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC). Anugerah ini khusus bagi memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada kementerian dan jabatan kerajaan / orang ramai / swasta secara berkumpulan dan perseorangan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam. Anugerah ini diharap akan dapat menyuntik lagi budaya inovasi dan menjadi satu *platform* dalam menggalakkan daya saing dan daya tahan dalam mengenalpasti dan mengembangmajukan idea-idea pembaharuan.

Alhamdulillah, sambutan kali ini juga akan memperkenalkan satu pengiktirafan khas iaitu "Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB$^2$PA)". Penghargaan khas ini adalah bagi menghargai sumbangan kakitangan dalam Bahagian V yang mempamerkan jasa dan khidmat bakti kepada organisasi khasnya dan masyarakat amnya. Manakala, Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) yang disampaikan pada setiap tahun adalah bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan khusus kepada pegawai dan kakitangan Bahagian II, III, IV dan V yang telah menunjukkan sikap dedikasi yang tinggi, prestasi kerja yang cemerlang dan mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh pegawai dan kakitangan yang lain. Adalah diharapkan agar kedua-dua anugerah dan pengiktirafan tersebut akan dapat menyuntik semangat dan motivasi untuk terus meningkatkan lagi prestasi, produktiviti dan kualiti kerja dalam kementerian dan jabatan masing-masing. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB$^2$PA) dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah bersara pada tahun ini di atas jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga segala sumbangan ikhlas dan khidmat bakti yang telah dicurahkan akan sentiasa diredhai dan diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Akhirnya, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26 Tahun 2019, dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama mengungkayahkan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini. Hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja yang akan dapat memberikan balasan pahala yang setimpal.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**[ YANG BERHORMAT DATO SERI SETIA**
**HAJI AWANG ABDUL MOKTI BIN HAJI MOHD DAUD ]**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Selaku Pengerusi I Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam Kali Ke-26, Tahun 2019

# WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

واوسن ڤرخدمتن عوام ابد ك-٢١

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

**"Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam**

**Negara Brunei Darussalam**

**yang sentiasa membangun dan berusaha**

**dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam**

**dalam persekitaran yang sihat dan selamat**

**di bawah inayah dan petunjuk**

**Allah Subhanahu Wata'ala"**

# HURAIAN TEMA
# HARI PERKHIDMATAN AWAM

**PERKHIDMATAN AWAM BERINTEGRITI DAN BERINOVASI PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA**

♦ Warga Perkhidmatan Awam sebagai Pemangkin Pembangunan Negara hendaklah bersikap dinamik dan berfikiran jangka panjang *(long-term thinking)*; dan berupaya menyelaras dasar-dasar dan strategi-strategi Kerajaan dalam menangani cabaran-cabaran global di samping memanfaatkan sepenuhnya revolusi pendekatan dan kaedah penambahbaikan terkini.

♦ Nilai-nilai dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa diperkukuhkan dan dipelihara bagi menjamin keberkesanan urustadbir di setiap peringkat organisasi serta limpahan positif kepada pelanggan luaran dan dalaman melalui kecemerlangan perkhidmatan yang disediakan.

# TEMA-TEMA
# SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM 2007-2018

## TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM (HPA) 2007-2018

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>TAHUN</th><th>HPA<br>KALI KE-</th><th>TARIKH</th><th>TEMA</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>2007</td><td>14</td><td>Hari Sabtu<br>29 Syawal 1428 / 10 November 2007</td><td>‘Menjulang<br>Kepimpinan Laila<br>Kesejahteraan’</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>2008</td><td>15</td><td>Hari Selasa<br>12 Zulkaedah 1429 / 11 November<br>2008</td><td>‘Kecemerlangan<br>Dalam Perkhidmatan<br>Awam’</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>2009</td><td>16</td><td colspan="2">(Majlis Sambutan HPA di Jame’ ‘Asr Hassanil Bolkiah)<br>Hari Isnin, 10 Syawal 1430 / 28 September 2009<br><br>(Majlis Penyerahan Sijil-Sijil Perkhidmatan bagi Pesara,<br>Penyerahan Buku Warga Perkhidmatan Awam Penggerak<br>Negara Zikir dan Penyampaian Hadiah-Hadiah Pertandingan<br>Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)<br>Peringkat Kebangsaan Kali Ke-12<br>Sempena HPA Kali Ke-16 di Banquet Hall,<br>Bangunan Majlis Mesyuarat Negara)<br>Hari Selasa, 17 Syawal 1430 / 6 Oktober 2009</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>2010</td><td>17</td><td>Hari Khamis<br>13 Zulkaedah 1431 / 21 Oktober 2010</td><td rowspan="3">‘Bersatu Padu Ke Arah<br>Mencapai Wawasan<br>Brunei 2035’</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>2011</td><td>18</td><td>Hari Khamis<br>15 Zulkaedah 1432 / 13 Oktober 2011</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>2012</td><td>19</td><td>Hari Rabu<br>1 Zulhijjah 1433 / 17 Oktober 2012</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>2013</td><td>20</td><td>Hari Rabu<br>1 Safar 1435 / 4 Disember 2013</td><td rowspan="3">‘Urustadbir<br>Dinamik Ke Arah<br>Kesejahteraan Negara’</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>2014</td><td>21</td><td>Hari Khamis<br>4 Safar 1436 / 27 November 2014</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>2015</td><td>22</td><td>Hari Selasa<br>12 Safar 1437 / 24 November 2015</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>2016</td><td>23</td><td>Hari Khamis<br>19 Muharram 1438 / 20 Oktober 2016</td><td rowspan="3">‘Transformasi Ke Arah<br>Perkhidmatan Awam<br>Yang Progresif’</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>2017</td><td>24</td><td>Hari Rabu<br>3 Rabiulawal 1439 / 22 November 2017</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>2018</td><td>25</td><td>Hari Rabu<br>22 Safar 1440 / 31 Oktober 2018</td></tr>
</table>

# IKRAR
# PERKHIDMATAN AWAM

# IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala,
kami, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
dengan ini berikrar:

Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja
yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam
menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Memelihara dan mengamalkan dengan teguh
prinsip-prinsip "Hablun MinAllah" iaitu hubungan dengan Allah
dan "Hablun Min An-Nas" iaitu hubungan dengan manusia.

Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan,
undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur,
ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab. Sentiasa memelihara
dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan kebolehharapan
Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap pro-aktif, iltizam,
inovatif, pemedulian, cekap, telus, titih, lutanan,
bertatatertib dan berakhlak mulia.

Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja,
mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.

Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa,
Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan
sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan,
keberkatan serta redha Allah Subhanahu wa Ta'ala.

# ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)

## PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja pegawai dan kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh pegawai dan kakitangan yang lain.

**OBJEKTIF**

- Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian atau Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.

- Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara rasmi kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.

- Untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

- Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan pegawai dan kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.

- Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.

- Untuk mewujudkan nilai tambah *(added value)* kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

**KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II**

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai segi, iaitu:

| | |
|---|---|
| **Kepimpinan** | Dinilai dari segi profesionalisme, keupayaan membimbing dan memimpin pegawai bawahan sebagai satu pasukan yang mantap. |
| **Berwawasan** **_(Visioning)_** | Dinilai dari segi kebijaksanaan *(wisdom),* keupayaan berfikiran tinjauan strategik *(strategic foresighting)* dan membuat keputusan berorientasikan hasil. |
| **Contoh Terbaik** **_(Role Model)_** | Dinilai dari segi keupayaan sebagai pemangkin atau contoh terbaik. |
| **Inisiatif** | Dinilai dari segi inovasi dalam penghasilan idea / program / proses / kertas konsep / kertas kerja / kertas dasar atau penyelidikan yang bermutu. |
| **Komunikasi Berkesan** | Dinilai dari segi keberkesanan menyampaikan atau membincangkan maklumat / idea / pengetahuan dengan tepat atau jelas. |
| **Pengaruh Positif** | Dinilai dari segi keupayaan mempengaruhi secara positif terhadap persepsi rakan sekerja berkenaan perubahan-perubahan dasar dan peraturan Perkhidmatan Awam. |
| **Sumbangan / Penglibatan Kerja Kesukarelawanan** | Dinilai penglibatan dalam kerja kesukarelawanan di luar dari tugas-tugas rasmi yang dapat memberikan manfaat atau faedah kepada organisasi ataupun orang ramai (masyarakat) dari segi kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keugamaan dan kesukanan. |

**KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V**

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Ciri-ciri yang dinilai adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Contoh Terbaik *(Role Model)*** | Dinilai dari keupayaan memimpin rakan sejawat atau orang bawahan. |
| **Bakat** | Dinilai dari kebolehan tinggi dalam menghasilkan sumbangan atau hasil yang luar biasa kepada organisasi. |
| **Keterampilan** | Dinilai dari keupayaan cara pembawaan diri, keupayaan berkomunikasi secara lisan atau perwatakan sesuai dengan keadaan. |
| **Kreativiti** | Dinilai dari keupayaan inovatif / kualiti / kuantiti / kos pembaharuan / pembaikan. |
| **Sumbangan / Penglibatan Kerja Kesukarelawanan** | Dinilai penglibatan dalam kerja kesukarelawanan di luar dari tugas-tugas rasmi yang dapat memberikan manfaat atau faedah kepada organisasi ataupun orang ramai (masyarakat) dari segi kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keugamaan, kesukanan, perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. |
| **Komitmen** | Dinilai dari keupayaan memberi sepenuh tenaga dan perhatian kepada setiap tugas dan tanggungjawab. |

# PENERIMA-PENERIMA
# ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
# PERKHIDMATAN AWAM
# (APCPA)

## JABATAN PERDANA MENTERI



**Pengiran Amirul Hayat bin Pengiran Haji Yussop**
Bahagian II
Penganalisa Sistem Kanan
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan



**Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman**
Bahagian III
Penyiar Berita Kanan
Jabatan Radio Televisyen Brunei



**Awang Haji Mohd Ali Tahkim bin Haji Sungoh**
Bahagian IV
Pengawas Tukang Elektrik
Jabatan Radio Televisyen Brunei



**Awang Hussin bin Brahim**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Jabatan Radio Televisyen Brunei

## KEMENTERIAN PERTAHANAN



**Awang Wong Wee Chin**
Bahagian II
Jurutera
Pusat Penyelidikan dan Perkembangan
Sains dan Teknologi



**Dayang Suraya binti Haji Momin**
Bahagian III
Penolong Pegawai Kerja Tingkat II
Institut Pengajian Pertahanan
dan Strategik Sultan Haji
Hassanal Bolkiah



**Awang Haji Shamsudin bin**
**Haji Ghapar**
Bahagian IV
Pengurus Mess Tingkat III
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga
Manusia, Bangar Kem



**Awang Haji Mohammad Affendi**
**bin Haji Mansor**
Bahagian V
Pelayan Mess Tingkat III *(Open Vote)*
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga
Manusia

## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



**Dayang Hajah Erni binti Haji Yacub @ Haji Ya'akub**
Bahagian II
Pegawai Kewangan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**Dayang Hajah Halimah binti Haji Abd Rahman**
Bahagian III
Penolong Pegawai Perangkaan
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi



**Awang Haji Zamain bin Haji Serudin**
Bahagian IV
Pegawai Pemeriksa
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja



**Dayang Noraini binti Haji Junaidi**
Bahagian V
Operator Telefon
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI



**Awang Haji Morshidi bin Haji Md Yusof**
Bahagian II
Pegawai Kewangan
Jabatan Pentadbiran



**Dayang Jamilah binti Haji Jaafar**
Bahagian III
Pembantu Penyelidik Kanan
Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa



**Dayang Mardiah binti Haji Bair**
Bahagian IV
Kerani
Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa



**Dayang Noraini binti Haji Mohd Hashim**
Bahagian V
Pembantu Kerani *(Open Vote)*
Jabatan Eropah dan Amerika

# KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awang Abdul Kahar bin Haji Yahya**
Bahagian III
Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Jabatan Daerah Tutong



**Awang Muhammad Nor Wazir bin Abdullah Musim**
Bahagian IV
Pemeriksa Bangunan
Jabatan Bandaran Tutong

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Yahya**
Bahagian II
Pegawai Ugama Kanan
Bahagian Kemajuan Syiar Islam



**Awang Sabaraya bin Abdul Ghani**
Bahagian III
Guru Ugama Terlatih
Bahagian Kemajuan Syiar Islam



**Awang Edy Kasrin bin Abdul Kadir**
Bahagian IV
Guru Ugama Terlatih
Pusat Da'wah Islamiah



**Awang Haji Kusmawidy bin Haji Abd Karim**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Jabatan Pengajian Islam

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



**Dayang Hajah Noor Izrina binti Abdullah**
Bahagian II
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Pejabat Yang Berhormat Menteri



**Pengiran Azmenishah bin Pengiran Haji Abdul Rahman**
Bahagian III
Pegawai Melesen Perikanan Kanan
Jabatan Perikanan



**Awang Mohamad Rozizan bin Mohd Maslin**
Bahagian IV
Pembantu Perhutanan
Jabatan Perhutanan



**Dayang Hajah Serina binti Haji Mohd Kassim**
Bahagian V
Pembantu Kerani *(Open Vote)*
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

## KEMENTERIAN KESIHATAN



**Dayang Hajah Hashliena Wati binti Haji Mohd Salleh**
Bahagian II
Juru X-Ray Kanan
Jabatan Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan, Hospital RIPAS



**Awang Eddrusse bin Haji Abdul Rahman**
Bahagian III
Jururawat
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan



**Dayang Habibah binti Haji Mohd Alli**
Bahagian IV
Juruteknik Makmal
Kementerian Kesihatan



**Abdullahled bin Haji Morni**
Bahagian V
Penolong Perkhidmatan
Pusat Pembasmian Kuman
Hospital RIPAS

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



**Awang Azman bin Haji Mohd Salleh**
Bahagian II
Jurutera
Jabatan Perkhidmatan Air
Jabatan Kerja Raya



**Dayang Kamsinah binti Kamis**
Bahagian III
Ketua Pembantu Teknik
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal
Jabatan Kerja Raya



**Awang Haji Mohammad bin Haji Junid**
Bahagian IV
Juruteknik Ukur
Jabatan Ukur



**Dayang Zuenalini binti Haji Mohammad**
Bahagian V
Pekerja Tingkat II *(Open Vote)*
Kementerian Pembangunan

## KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN



**Dayang Hajah Norsarizah binti Haji Sarbini**
Bahagian II
Pegawai Ekonomi Kanan
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian



**Dayang Osnah binti Dullah**
Bahagian III
Ketua Pembantu Teknik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik



**Dayang Hajah Siti Nor Shamsiah binti Haji Tahir**
Bahagian IV
Kerani
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian



**Awang Haji Zaini bin Haji Chuchu**
Bahagian V
Pembaca Meter
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**Dr Tang Shi Siong**
Bahagian II
Pegawai Pelajaran Kanan
Politeknik Brunei



**Dayang Masrinah binti Haji Sharail**
Bahagian IV
Kerani Tingkatan III
Pejabat Setiausaha Tetap
(Pendidikan Teras)



**Awang Salbini bin Haji Lawal**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Pejabat Setiausaha Tetap
(Pendidikan Teras)

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



**Awang Haji Shahrin bin Haji Ibrahim**
Bahagian II
Pengawal Pos
Jabatan Perkhidmatan Pos



**Awang Haji Hady Ahmady bin Haji Mohammad**
Bahagian III
Penyelia Sistem
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



**Dayang Hajah Kamsiah binti Haji Metassan**
Bahagian IV
Pemerhati Kajicuaca Tingkat I
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam



**Dayang Norafizah binti Untong**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Pos

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Dayang Siti Zaharah binti**
**Haji Abdul Razak**
Bahagian II
Pegawai Pembangunan Masyarakat
Jabatan Pembangunan Masyarakat



**Dayang Norsinah binti**
**Awang Haji Sawas**
Bahagian III
Pegawai Penerbitan
Dewan Bahasa dan Pustaka



**Awang Haji Hirmi bin**
**Haji Moslim**
Bahagian IV
Kerani
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan



**Pengiran Abd Rahman bin**
**Pengiran Omar**
Bahagian V
Penyelenggara Stor Tingkat III
Jabatan Belia dan Sukan

# ANUGERAH KAKITANGAN BERJASA DAN BERBAKTI PERKHIDMATAN AWAM (AKB$^2$PA)

## PENGENALAN

Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB$^2$PA) adalah merupakan satu anugerah bagi menghargai jasa dan bakti kakitangan dalam Bahagian V kepada organisasi khasnya dan masyarakat amnya.

Matlamat utama anugerah ini adalah untuk memberikan penghargaan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam dalam jawatan Bahagian V yang pernah memberikan jasa dan bakti sekaligus mempamerkan ketokohan dan kewibawaan dalam menjalankan satu-satu tugas.

## OBJEKTIF

- Untuk memberikan dorongan dan penghargaan secara rasmi kepada warga Perkhidmatan Awam dalam kategori yang dinyatakan di atas yang telah menunjukkan nilai-nilai tanggungjawab yang tinggi, tekun dalam melaksanakan tugas, berakhlak mulia dan berkeperibadian unggul serta dapat dijadikan contoh dan tauladan kepada pegawai atau kakitangan lain.

- Sebagai penyuntik semangat bagi kakitangan di Bahagian V untuk lebih proaktif dan berinovasi dalam menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, amanah dan sikap tanggungjawab.

- Untuk menggalakkan sikap pemedulian dan tidak camah mata dalam memberikan sumbangan tidak hanya kepada kerja-kerja yang diamanahkan malahan juga kepada sesuatu pekerjaan di luar daripada sikap yang dipertanggungjawabkan. Sikap ini akan membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran organisasi dan masyarakat awam.

## KRITERIA DAN CIRI PENILAIAN DAN PEMILIHAN

Kriteria dan ciri yang akan digunakan dalam menilai dan memilih kakitangan akan ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas termasuklah kriteria-kriteria berkenaan:

Kriteria Jasa atau Keboleharapan: Kakitangan berkenaan telahpun mencapai atau melaksanakan salah satu dari berikut:

| | |
|---|---|
| **JASA** | Didefinisikan sebagai berbuat baik atau berbakti kepada organisasi dan masyarakat sekeliling. Tidak berkira dalam memberikan sumbangan tidak hanya kepada tugas-tugas yang diamanahkan malahan juga kepada pekerjaan di luar dari skop yang dipertanggungjawabkan. |
| **KOMITMEN** | Didefinisikan sebagai sikap tidak camah mata dan memberi sepenuh tenaga dan perhatian kepada sesuatu tugas. |
| **PERSONALITI** | Seorang yang gigih dan positif dan dapat bekerjasama dengan baik sesama atasan dan rakan setugas. |
| **KEJAYAAN AHLI KELUARGA** | Kejayaan dalam mendidik ahli keluarga sehingga memperolehi pencapaian yang membanggakan dalam pelajaran atau pekerjaan adalah satu kelebihan. |

# PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH KAKITANGAN BERJASA DAN BERBAKTI PERKHIDMATAN AWAM (AKB$^2$PA)

# JABATAN PERDANA MENTERI



**Dayang Rodyana binti Haji Othman**
Penjaga Telefon / Penyambut Tetamu / Operator Telefon
Jabatan Audit
Jabatan Perdana Menteri

Dayang Rodyana binti Haji Othman adalah seorang Penjaga Telefon / Penyambut Tetamu / Operator Telefon yang berkhidmat di Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah berkhidmat selama sebelas (11) tahun sejak tahun 2008. Sebelum berkhidmat dengan Kerajaan, beliau pernah bekerja di sektor swasta.

Sebagai seorang Penjaga Telefon / Penyambut Tetamu / Operator Telefon, beliau selalu bersopan santun dalam melayani tetamu yang datang serta menjawab setiap persoalan yang diajukan dengan maklumat yang betul secara berhemah. Ini menunjukkan beliau adalah seorang yang bersikap pemedulian dan bersedia untuk menerima teguran, kritikan atau pendapat daripada orang lain, sentiasa mahu belajar mempertingkatkan ilmu di luar bidang tugasnya serta disenangi oleh rakan-rakan sejawat, pegawai atasan dan juga orang ramai.

Hobi Dayang Rodyana adalah membaca buku dan berkebun kecil-kecilan. Di waktu kelapangan pula, beliau akan bermain sukan bola tampar. Di samping itu, beliau juga meluangkan masa bersama anak-anak dengan membantu dalam kerja-kerja sekolah.

Beliau dan suami dianugerahkan lima (5) orang anak yang mana beliau bersama keluarga menetap di rumah milik sendiri di Kampung Lumapas. Suami beliau bertugas di Jabatan Kerja Raya, manakala anak sulung beliau pada masa ini sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir. Anak kedua beliau pula sedang belajar di Malaysia.

Justeru itu, Dayang Rodyana sangat menitik berat perihal pendidikan anak-anak dan memastikan mereka tidak leka dalam pembelajaran bagi meraih kejayaan yang diimpikan. Beliau dikatakan seorang yang bersifat terbuka terhadap meningkatkan ilmu pengetahuan untuk bukan sahaja memperbaiki mutu kerja bidang tugas malah dalam segala aspek kehidupan.

# KEMENTERIAN PERTAHANAN



**Dayang Hasniwaty binti Kurus**
Tukang Masak
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia
Kementerian Pertahanan

Dayang Hasniwaty binti Kurus memulakan kerjayanya sebagai seorang Tukang Masak pada 3 Julai 2006. Kerjaya tersebut sudah sebati dengan hidup beliau kerana sebelum berkhidmat di Kerajaan, beliau juga pernah bertugas di Royal Brunei Catering (RBC) Sendirian Berhad sebagai tukang masak selama 12 tahun.

Di sepanjang perkhidmatan beliau, Dayang Hasniwaty telah mempamerkan kualiti-kualiti seorang kakitangan Perkhidmatan Awam yang berdedikasi, titih dan cemerlang. Atas sikap positif dan komitmen yang beliau tunjukkan, beliau telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan tugasan yang diarahkan oleh pegawai atasan. Beliau juga bersedia menerima tugasan tambahan tanpa mengeluh.

Hasil dari perkongsian hidup dengan suami beliau, mereka dianugerahkan lima (5) orang anak. Dua (2) orang anak lelaki beliau sedang melanjutkan bidang pengajian di Universiti Brunei Darussalam iaitu Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sains dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sosiologi. Anak ketiga beliau pula sedang menuntut pelajaran di Politeknik Brunei dalam jurusan kejururawatan.

Beliau sering menerima tempahan masakan dan kuih-muih bukan sahaja pada waktu perayaan malah pada hari-hari biasa. Selain dari suka mencuba resepi-resepi masakan yang baru, beliau juga gemar membaca buku di waktu lapang. Beliau berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya dengan bercita-cita untuk membuka sebuah kedai roti suatu hari nanti.

Dayang Hasniwaty memanfaatkan kemahiran yang telah diberikan dengan mengajar anak-anaknya supaya 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' dan berharap agar kemahiran ini dapat diturunkan kepada ahli keluarganya. Dayang Hasniwaty mempunyai harapan yang besar untuk melihat anak-anak beliau berjaya di dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Sebagai seorang ibu, beliau sering menasihati dan memberikan dorongan kepada anak-anak supaya tidak berputus asa di dalam apa jua cabaran yang dihadapi demi masa hadapan yang baik.

# KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



**Awang Bidin bin Haji Jumat**
Pembantu Pejabat
Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Awang Bidin bin Haji Jumat telah bertugas sebagai Pembantu Pejabat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sejak tahun 1994, iaitu selama 25 tahun. Sebelum berkhidmat dengan Kerajaan, beliau pernah bekerja di pasar ikan. Malahan, beliau juga pernah bekerja sebagai seorang penambang perahu separuh masa semasa tinggal di Kampong Ayer untuk menambah pendapatan sampingan.

Beliau merupakan seorang kakitangan yang sentiasa bersedia menerima apa jua arahan pegawai atasan. Keperibadian beliau yang tidak camah mata dan ikhlas dalam menunaikan apa saja tugas menjadikan beliau seorang kakitangan yang berdedikasi dan bertanggungjawab.

Di waktu lapang, beliau suka berkebun di kawasan rumah dan berkumpul bersama keluarga. Pada masa ini, beliau menetap di Kampung Perpindahan Meragang bersama isteri dan lapan (8) orang anak. Empat (4) daripadanya sudah bekerja dengan Kerajaan dan sektor swasta dan selebihnya masih bersekolah. Salah seorang daripadanya bertugas sebagai tentera manakala seorang bekerja sebagai ahli sekuriti di *SETIA Protective Security Services.*

Sungguh besar harapan beliau untuk melihat anak-anak berdikari sendiri dan memiliki pekerjaan yang terjamin masa depannya. Ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi sekelilingnya, beliau berhempas pulas mencari nafkah bagi menyara perbelanjaan keluarga. Menurut beliau, isteri dan anak-anak merupakan sumber kekuatan dan motivasi untuk terus gigih dan bersemangat bekerja.

Selama beliau berkhidmat dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, beliau telah dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada 7 Mei 2016.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI



**Dayang Amsah binti Marali / Merali**
Tukang Kebun
Jabatan Pentadbiran
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Dayang Amsah binti Marali / Merali telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selama lebih kurang 16 tahun. Pada masa ini beliau sudah berumur 59 tahun dan akan menamatkan perkhidmatannya pada 19 Disember 2019 nanti.

Beliau merupakan seorang kakitangan yang berhati mulia, komited dan rajin. Tugas beliau sebagai Tukang Kebun memainkan peranan yang penting dalam memastikan kawasan pejabat dalam keadaan cantik dan bersih. Lanskap pejabat yang cantik juga memberikan imej yang positif kepada masyarakat awam yang membuat urusan di pejabat tersebut.

Dayang Amsah juga membuktikan bahawa dirinya aktif di luar bidang kerjaya. Bagi mengasah bakat dalam bidang masakan, beliau turut menyertai persatuan memasak seperti Akademi Masakan Belia yang dianjurkan oleh Pusat Belia. Di waktu lapang, Dayang Amsah mengisikannya dengan membuat kerja-kerja rumah seperti memasak dan menjaga cucu-cicit.

Dayang Amsah dan suami dianugerahkan empat belas (14) orang anak. Kesemua anak-anak beliau telah pun tamat persekolahan dan sebelas (11) orang daripadanya sudah berumahtangga. Walaupun sudah dewasa, beliau sentiasa berharap kesemua anak-anak beliau mempunyai masa depan yang cerah dan kehidupan yang senang.

Menurut Dayang Amsah, ikhlaskan niat supaya dapat fokus menunaikan kerja. Sentiasa ikhlas dan bersedia berkorban untuk perkhidmatan adalah penting, tanpa mengharap balasan ketika bekerja dan menjalani kehidupan seharian sama ada ingin mencari rezeki, membela nasib keluarga atau berbakti kepada masyarakat. Malah, kita patut giat dalam kerja-kerja yang memberi peningkatan nilai murni dalam diri, iaitu tidak terlalu berkira dengan tenaga dan masa serta sentiasa bersedia untuk melakukan kerja-kerja sukarelawan dan khidmat masyarakat.

# KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Dayang Nur Faezah Nabilah binti Haji Yahya**
Pembantu Kerani *(Open Vote)*
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Dayang Nur Faezah Nabilah binti Haji Yahya berkhidmat sebagai Pembantu Kerani secara *Open Vote* di Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tahun 2000 iaitu selama 19 tahun.

Beliau seorang yang mempunyai pandangan dan pengetahuan yang luas tentang tugas-tugasnya serta dapat menyelesaikannya dengan baik. Di sepanjang perkhidmatan selama 19 tahun, beliau menunjukkan keperibadian yang rajin dan peramah yang menjadikan beliau disenangi oleh rakan sekerja dan pegawai atasan.

Selain daripada komitmen tugas, Dayang Nur Faezah Nabilah juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Antaranya beliau telah dilantik selaku Timbalan Setiausaha dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK), selaku Ahli Polis Kejiranan Kampung serta salah seorang Ahli Muslimah di masjid kampung beliau. Di waktu lapang, beliau turut menyertai kumpulan dikir bersama orang-orang kampung dan masjid serta mengikuti acara bergotong-royong secara beramai-ramai di Daerah Temburong.

Dayang Nur Faezah Nabilah merupakan anak kelapan (8) dari sembilan (9) adik-beradik dan pada masa ini menetap bersama kedua ibu bapa beliau di Kampong Batang Tuau, Temburong. Hobi beliau ialah bermain bulu tangkis *(badminton)* bersama ahli keluarga dan rakan sekerja. Cita-cita beliau adalah untuk menunaikan ibadah haji dan umrah sebelum bersara.

Menurut beliau, ikhlas merupakan kunci utama dalam melakukan setiap perkara. Beliau lebih bermotivasi dalam pekerjaan kerana dapat menyumbangkan tenaga kepada Kerajaan. Ini menjadikan beliau untuk sentiasa menunjukkan peningkatan prestasi kerja sebaik mungkin. Beliau berharap beliau sentiasa berkhidmat dengan ikhlas dan sabar dalam menghadapi apa jua cabaran kehidupan mahupun di alam pekerjaan.

# KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Awang Haji Taha bin Pandin**
Pemandu Tingkat Khas
Pejabat Ugama Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Awang Haji Taha bin Pandin berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat Khas di Pejabat Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Beliau mula berkhidmat dengan Kerajaan sebagai seorang Pemandu Tingkat II pada tahun 1989.

Tugas utama beliau selaku Ketua Unit Kenderaan merupakan salah satu tugasan yang dikatakan mencabar memandangkan beliau dikehendaki membuat pemantauan dan penyediaan kepada tiga (3) orang pemandu bawahan beliau. Tugas tambahan beliau termasuklah memandu kenderaan *'pick-up'* dan kereta jenazah jika diperlukan.

Di samping itu, beliau merupakan seorang Ahli Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Rataie. Beliau juga turut aktif bersukan dalam bola sepak, takraw dan pingpong. Kebanyakannya, waktu kelapangan beliau dihabiskan bersama ahli keluarga sama ada dengan bermain pingpong, pergi ke laut untuk menangkap udang galah atau berkebun di belakang rumah. Pengalaman dan kemahiran Awang Haji Taha dalam mengimpal *(welding)* treler menjadikan beliau seorang yang berkelayakan untuk menjawat Pemandu Tingkat Khas.

Beliau dan isteri dikurniakan anak seramai lima (5) orang iaitu empat (4) orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Empat (4) orang anak beliau sudah bekerja kecuali anak perempuan beliau yang membuat perniagaan kuih-muih secara persendirian. Isteri dan anak sulung beliau bekerja di Jabatan Belia dan Sukan di Daerah Temburong manakala anak kedua bertugas di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Bagi Awang Haji Taha, isteri dan anak-anak merupakan sumber inspirasi dan kekuatan beliau. Beliau amat menitikberatkan nasihat dari arwah kedua ibu bapa iaitu "jaga anak isteri dengan baik, jangan sampai inda makan". Ini membuatkan beliau untuk terus gigih berusaha dalam memelihara kestabilan pendapatan keluarga dan seterusnya menyumbang bakti kepada negara.

Di sepanjang perkhidmatan Awang Haji Taha selama 30 tahun, beliau telah dianugerahkan Pingat Kerja Lama (P.K.L) pada 12 Jun 2014.

# KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



**Awang Muhammad Hafizchin bin Abdullah**
Pemandu Tingkat II *(Open Vote)*
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Awang Muhammad Hafizchin bin Abdullah telah berkhidmat selama 18 tahun di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sejak tahun 2001. Pada awal perkhidmatannya, beliau bekerja sebagai Buruh bergaji hari dan seterusnya disokong ke perkhidmatan *Open Vote* setelah berkhidmat selama enam (6) tahun. Pada bulan November 2014, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pemandu Tingkat II dan ditempatkan di Bahagian Kewangan di Kementerian yang sama.

Sebagai seorang pemandu yang cermat, beliau sentiasa memastikan kenderaan Kerajaan dalam keadaan yang selamat dan sempurna untuk digunakan sebelum memulakan tugas. Beliau juga mempunyai kelebihan dalam kepakaran memeriksa, menyelenggara dan membaiki kenderaan. Malah, kepakaran dalam bidang berkenaan sudah lama dimiliki sejak beliau masih remaja.

Kerana hasrat yang sangat mendalam untuk membantu keluarga bagi menambah pendapatan, beliau sering menerima tempahan perkhidmatan memeriksa dan membaiki kereta di masa lapang. Awang Hafizchin juga bercita-cita untuk mempunyai perusahaan bengkel kereta sendiri suatu hari nanti.

Beliau dan isteri dikurniakan lima (5) orang yang masih bersekolah di Kampung Bebuloh. Salah seorang daripada anak beliau sedang menuntut di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Antara hobi beliau ialah bermain bulu tangkis bersama rakan dan meluangkan masa bersama ahli keluarga. Beliau juga sering solat Maghrib berjemaah di Masjid Limau Manis bersama anak lelaki beliau, manakala waktu Isyak pula beliau akan solat berjemaah bersama ahli keluarga yang lain seterusnya mengambil kesempatan tersebut untuk mengajar anak-anak dalam membaca Al-Quran.

Demi membesarkan dan menyekolahkan anak-anak hingga berjaya, Awang Muhammad Hafizchin sentiasa bersemangat dalam memastikan masa depan anak adalah terjaga. Oleh itu, setiap harapan dan impian perlu disertai dengan niat untuk mendapatkan bukan sahaja masa depan yang cerah malah barakah dan rahmat daripada-Nya.

## KEMENTERIAN KESIHATAN



**Awang Haji Tarsil bin Haji Saban**
Atendan Kanan Hospital
*Emergency Management and Ambulance Services (EMAS)*
Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS)
Kementerian Kesihatan

Awang Haji Tarsil bin Haji Saban telah berkhidmat dengan Kerajaan selama 34 tahun. Tugasan beliau sebagai Atendan Kanan Hospital memerlukan beliau untuk berinteraksi bersama pesakit dan keluarga pesakit. Kebolehan beliau dalam menangani hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan pesakit mencerminkan keperibadian beliau seorang yang prihatin dan mempunyai kesabaran yang tinggi. Beliau sering menangani isu semasa perbincangan dengan pesakit dan keluarga pesakit. Di antara tugasan beliau yang lain adalah sentiasa bersedia berkhidmat pada bila-bila masa mengikut keperluan contohnya menjadi *Medical Cover* (Liputan Perkhidmatan Perubatan) dalam majlis-majlis rasmi.

Beliau adalah seorang yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan di mana beliau merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD). Selain itu, beliau sering menjadi sukarelawan dalam aktiviti tahunan Majlis Berziarah Sempena Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman dalam penyediaan kerusi roda bagi orang-orang kurang upaya (OKU) dan memastikan mereka dapat berziarah dengan lancar.

Awang Haji Tarsil dianugerahkan empat (4) orang anak. Dua orang sedang bertugas di Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir dalam jurusan Qiraat atas biaya Kerajaan. Hobi beliau di masa lapang adalah bertukang kayu iaitu suatu kemahiran yang telah diwarisi daripada ayah beliau.

Menurut beliau, pesakit-pesakit di hospital menjadi sumber motivasi dengan mengambil iktibar betapa pentingnya kesihatan sejurus memanfaatkan pengetahuan tersebut untuk diri serta keluarga. Beliau percaya nilai kesihatan amat penting bagi membolehkan beliau menyumbangkan tenaga dan berkhidmat kepada orang ramai.

Beliau telah dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L) pada 12 Jun 2014.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



**Awang Maruf bin Pawe**
Juruteknik Rendah
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan

Awang Maruf bin Pawe memulakan kerjayanya sebagai A*ssistant Printing Machine Operation* (EPMO) secara bergaji hari di Jabatan Ukur pada tahun 1989. Setelah sembilan (9) tahun berkhidmat dengan Kerajaan, beliau dilantik ke perkhidmatan tetap sebagai Juruteknik Rendah.

Awang Maruf dikatakan seorang yang peramah dan sentiasa bersedia untuk menerima arahan tugasan harian daripada pegawai atasan. Beliau sering bertugas di luar pejabat oleh sebab peranan pekerjaan beliau yang perlu menjalankan pengukuran tanah dan pemetaan. Antara tugas-tugas beliau yang lain adalah memasang alat ukur *theodolite*, menggunakan alat GPS dan membuat cerapan serta bacaan *bearing* semasa pengukuran dijalankan.

Suatu ketika dahulu, beliau meminati aktiviti lasak memandu kenderaan pacuan empat roda. Walau bagaimanapun, setelah menumpukan lebih banyak masa kepada kerjaya, beliau beralih minat kepada mengumpul kereta-kereta antik dan klasik yang bernilai sejarah automotif. Selain minat kereta lama, beliau juga aktif melibatkan diri dengan Majlis Kejiranan Kampung, menguruskan perusahaan sendiri dan membuat penyelenggaraan ringan. Kecenderungan beliau di dalam pelbagai aktiviti ini memaparkan semangat beliau untuk sentiasa mengasah berbagai minat dan bersikap berfikiran terbuka terhadap pengalaman baru.

Awang Maruf dan isteri menetap di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, Tutong. Beliau dilahirkan di dalam keluarga yang besar dan mempunyai lapan (8) orang adik-beradik. Sebahagian daripada mereka bertugas di Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Walaupun beliau masih ada sembilan (9) tahun lagi tempoh perkhidmatan, beliau tetap gigih dalam menyumbangkan tenaga dan bakti dengan keikhlasan dan harapan yang tinggi.

## KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN



**Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Damit**
Pemandu Tingkat II
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Damit memulakan tugasnya sebagai seorang Pemandu Tingkat II pada 1 Julai 1990 di Jabatan Unit Petroleum dan kini bertugas di Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Di sebalik persekitaran pejabat yang sibuk, Pengiran Haji Sahari sentiasa bersemangat membawa penumpang ke destinasinya. Di samping itu, beliau juga membuat pemeriksaan terhadap apa-apa kerosakan atau kekurangan yang berkaitan dengan hal-ehwal kenderaan supaya kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan seterusnya memastikan penumpang-penumpangnya berada di dalam keadaan selamat. Pengiran Haji Sahari dikatakan menunjukkan sifat-sifat kebolehpercayaan dan patuh pada arahan yang diberikan oleh pihak atasan.

Selain sentiasa tekun dan komited di dalam pekerjaan, beliau juga menanam nilai-nilai luhur ini di dalam keluarganya. Beliau dan isteri dianugerahkan dengan tiga (3) orang cahaya mata. Anak yang sulung kini bertugas sebagai seorang Ahli Bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat. Anak kedua telah menamatkan pengajian di dalam sijil *Diploma in Information Technology* di Kolej Antarabangsa *Micronet* manakala anak bungsu beliau telah menamatkan pengajian di Politeknik Brunei dan mendapat kelulusan diploma dalam jurusan teknologi maklumat.

Demi kejayaan anak-anak dalam pencapaian akademik, Pengiran Haji Sahari tidak pernah mengira penat lelah untuk menyumbangkan tenaganya supaya anak-anak beliau dapat mencapai cita-cita yang tinggi. Di samping penumpuan pada hal ehwal akademik anak-anak, beliau juga turut meluangkan masa bersama keluarga dengan melakukan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beriadah dan melancong. Pengiran Haji Sahari menjadikan isteri dan anak-anak sebagai sumber inspirasi dan kekuatan beliau yang mana mereka telah memberikan motivasi kepada beliau untuk terus berjaya dalam hidup.

Di sepanjang perkhidmatan beliau selama 29 tahun, beliau telah dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada 10 Jun 2014, Pingat Kerja Lama (P.K.L) pada 7 Mei 2016 dan Pingat Jubli Emas pada bulan Oktober 2017.

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**Awang Faissal bin Awang Haji Yahya**
Pemandu Tingkat II
Jabatan Estet
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kementerian Pendidikan

Awang Faissal bin Awang Haji Yahya telah berkhidmat sebagai seorang Pemandu Tingkat II di Kementerian Pendidikan selama 20 tahun bermula pada tahun 1999. Pada masa ini beliau ditempatkan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Di antara tugas utama beliau ialah menghantar persuratan-persuratan, membawa mahasiswa dan mahasiswi UNISSA jika ada lawatan, membawa pensyarah-pensyarah jika perlu, dan mengurus hal ehwal visa. Di sepanjang perkhidmatan beliau, beliau menunjukkan keperibadian yang cermat, berdisiplin dan bertanggungjawab. Ini dapat dilihat melalui cara beliau menjaga kenderaan dalam keadaan bersih setiap hari sebelum dan selesai digunakan serta memastikan kenderaan agar tetap dalam keadaan yang baik.

Selain daripada menjalankan tugas beliau, beliau juga sering menyertai aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak Universiti dengan menjadi sukarelawan di bawah program-program khidmat masyarakat seperti membersihkan kubur, memotong rumput di rumah orang-orang daif dan membantu dalam menyampaikan sumbangan makanan kepada orang-orang daif.

Awang Faissal sangat mengambil berat akan kesihatan sehingga sering bersukan di waktu kelapangan beliau. Antara lain hobi-hobi kegemaran beliau terdiri daripada mendaki bukit, berbasikal dan bermain bola sepak, futsal serta pingpong. Selain itu, beliau juga minat bertukang kayu seperti membuat almari di rumah. Beliau dan isteri dianugerahkan dua (2) orang anak perempuan. Anak sulung beliau sedang menuntut di Politeknik Brunei dalam jurusan *Business Administration* manakala anak yang bungsu sedang melanjutkan pelajaran dalam jurusan kejururawatan.

Menurut beliau, sumber kekuatan lahir daripada isteri dan anak-anak. Sebagai 'indung', beliau menjadi *role model* yang baik kepada anak-anak dan sentiasa menasihati mereka untuk berusaha dengan gigih, tidak berputus asa dan bersungguh-sungguh dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan.

Awang Faissal telah menerima Anugerah Staf Cemerlang UNISSA 2018.

# KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



**Pengiran Haji Jaya Shahbani bin Pengiran Haji Bakar**
Ahli Bomba Kanan
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Pengiran Haji Jaya Shahbani bin Pengiran Haji Bakar memulakan kerjayanya sebagai seorang Ahli Bomba Pelatih pada tahun 1990 dan dinaikkan pangkat sebagai Ahli Bomba Kanan pada tahun 2014. Tugas utama beliau adalah untuk memadam api jika berlakunya kebakaran di kawasan lapangan terbang serta memastikan nyawa dan harta-benda berada di dalam keadaan selamat.

Selain menumpukan tugas sebagai Ahli Bomba Kanan, beliau turut aktif di dalam kegiatan kemasyarakatan sebagai ahli Majlis Perundingan Kampung Mengkubau, Daerah Brunei-Muara dan di dalam aktiviti-aktiviti Masjid Ahli Dikir Kampung Mengkubau. Beliau juga berperanan sebagai salah seorang penasihat kepada belia-belia Kampung Mengkubau dalam menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti perlawanan bola, futsal atau ikut berniaga di bazar kampung pada masa-masa tertentu.

Sejarah minat beliau terhadap soal bela keselamatan juga terserlah pada aktiviti luar kerja iaitu mengajar ilmu persilatan kepada golongan belia sehingga pernah membimbing sekumpulan pesilat belia untuk memberi persembahan di luar negeri sebagai wakil Negara Brunei Darussalam.

Hasil daripada perkongsian hidup dengan isteri beliau, mereka dianugerahkan empat (4) orang cahaya mata yang mana salah seorang daripada mereka bakal mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda di Kolej Perniagaan Laksamana Brunei. Beliau sering menasihatkan anak-anak beliau untuk belajar dengan rajin demi mencapai keputusan yang cemerlang dan melanjutkan pelajaran hingga ke tahap yang tinggi. Telah menjadi pegangan beliau pepatah 'Alum selasai alum beranti' dan 'Berusaha untuk berubah ke arah yang lebih baik dari masa ke semasa' sebagai inspirasi beliau untuk sentiasa bersemangat dalam melakukan apa juga pekerjaan dan sentiasa berpandangan jauh ke hadapan.

Beliau telah dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L) pada 12 Jun 2014 dan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada 14 Jun 2014.

# KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Pengiran Haji Norahalim bin Pengiran Haji Abdul Rahman**
Pekerja Belia dan Sukan Tingkat III *(Open Vote)*
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Pengiran Haji Norahalim bin Pengiran Haji Abdul Rahman mula bertugas sebagai Pekerja Belia dan Sukan Tingkat III di Jabatan Belia dan Sukan pada tahun 2001. Beliau dilantik secara bergaji hari dan setelah berkhidmat lebih kurang enam (6) tahun beliau ditukar ke perkhidmatan *Open Vote*. Antara tugas-tugas beliau adalah merancang dan melaksanakan program-program pembangunan, persatuan dan kelab belia.

Dengan pengalaman tugasnya yang mendalam, beliau cenderung untuk menubuhkan sebuah persatuan sendiri. Persatuan tersebut iaitu Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP) telah ditubuhkan pada tahun 2010 yang mana beliau merupakan Penasihat / Pengerusi Kehormat persatuan berkenaan yang didorong oleh misi untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai tentang kewujudan orang kurang pendengaran.

Selain dari menguruskan Persatuan OKP, beliau juga bergiat aktif di dalam persatuan-persatuan lain sehingga dilantik sebagai Setiausaha Agung kepada Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dan dianggap sebagai 'indung' kepada sembilan (9) buah kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU). Malah, beliau juga seorang alumni Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) dan pernah menyertai Aktiviti Anak Angkat Kapal Belia.

Beliau dan isteri dikurniakan empat (4) orang cahaya mata lelaki dan kini menetap di Kampung Tasek Meradun. Di sebalik kejayaan yang diraih oleh Pengiran Haji Norahalim di dalam kehidupannya tidaklah terlepas daripada dukungan keluarganya yang mana anak sulung adalah sepasang anak kembar dan anak OKU (dari segi masalah pendengaran dan percakapan). Isteri beliau bertugas di Kementerian sama manakala seorang anak beliau telah menerima biasiswa Kerajaan untuk melanjutkan Diploma di dalam *Arts and Media Design*.

Beliau dianugerahkan Pekerja Cemerlang Bagi Kakitangan Bahagian V pada tahun 2011. Dengan keperibadian yang peramah, yakin pada diri dan aktif di dalam aktiviti kemasyarakatan, beliau merasa lebih bersemangat terhadap tugas yang diberikan demi membalas jasa Kerajaan.

# PROGRAM PENGGREDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA)

Program Penggredan Prestasi Sektor Awam
Melalui Penarafan Bintang

# 3PSA

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD)

Jabatan Perdana Menteri

## Apakah **definisi** 3PSA?

- **kaedah** dalam **mengukur** tahap **prestasi** Jabatan Kerajaan
- **pengiktirafan** atau penghargaan (melalui penarafan bintang) kepada Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang jelas telah berusaha dan berjaya melaksanakan urustadbir yang terbaik.

## Apakah **objektif** 3PSA?

1 **Menilai dan mengukur prestasi** setiap agensi kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang;

2 **Menggalakkan persaingan sihat** di kalangan agensi kerajaan dalam amalan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan

3 **Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan** untuk meningkatkan **prestasi, kualiti dan produktiviti kerja** di kalangan pegawai dan kakitangan

4 Membantu **memberkesankan usaha-usaha penambahbaikan** dan **pembaharuan dalam** Perkhidmatan Awam

## Apakah **strategi pelaksanaan** 3PSA?

- **Pelancaran & Pemberigaan** melalui Surat Keliling JPM Bil. 4/2015 berkuatkuasa mulai 1 April 2015
- **Bengkel**
- ***Self-Assessment*** dilaksanakan oleh peserta di jabatan masing-masing selepas bengkel
- **Konsultasi & Khidmat nasihat** bagi penambahbaikan
- ***Formal Assessment*** dijalankan oleh MSD
- **Pengurniaan Sijil Pengiktirafan**

## Bagaimanakah **cara penilaian** dan **pemarkahan** 3PSA?

3PSA dibahagikan kepada empat (4) **skop** penilaian (Strategi & Pelaksanaan, Dasar & Pelaksanaan, Sumber Manusia dan Pemedulian Pelanggan). Pemarkahan dibahagikan kepada dua (2) dimensi iaitu pembolehdaya (*enablers*) dan pencapaian (*results*). Pemarkahan dan penilaian 3PSA ini menekankan kepada pencapaian (*result-oriented*) yang berasaskan kepada bukti (*evidence-based*).




## Berapakah **tahap penarafan bintang** 3PSA diberikan?

- **Cemerlang** (91% - 100%) ★★★★★
- **Sangat Baik** (76% - 90%) ★★★★
- **Baik** (61% - 75%) ★★★
- **Memuaskan** (46% - 60%) ★★
- **Memerlukan Pembaikan** (45% ke bawah) ★

Hasil penemuan penilaian disahkan oleh Jawatankuasa Khas untuk tujuan pengiktrafan bintang diberikan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berjaya memperolehi tiga (3) bintang dan ke atas, dan sah laku selama tiga (3) tahun.

3PSA

Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang

## **Dapatan penilaian** 19 jabatan yang dinilai tahun kewangan 2016/2017 & 2017/2018 **mengikut skop**

**Skop 1** : Strategi dan Pelaksanaan

Pembolehdaya
***(Enablers)***

Penyediaan **Perancangan Strategik** (PS)

**5** jabatan **(26.3%)**
**ada** PS jabatan

**8** jabatan **(42.1%)**
**bersandar** kepada PS Kementerian

**6** jabatan **(31.6%)**
**tiada** PS

Pencapaian
***(Results)***

Penilaian **Petunjuk Prestasi Utama** (KPI) jabatan

**5** KPI
dinilai **setiap** jabatan




**Sebab** KPI tidak dapat dinilai:

- ✓ Tidak *Specific, Measurable, Achievable, Realistic dan Time-Limit* (SMART)
- ✓ Matrik sasaran dan pencapaian tidak selaras
- ✓ Tidak mempunyai sasaran / pencapaian
- ✓ Perkiraan KPI tidak diketahui oleh jabatan

**Skop 2** : Dasar dan Pelaksanaan

Pembolehdaya ***(Enablers)*** & Pencapaian ***(Results)***

Penilaian melibatkan **57 Pembaharuan dan Penambahbaikan (P&P)**

**47 [82.5%] P&P**

- Penetapan agenda
- Kajian & cadangan
- Penggubalan / penelitian semula dasar
- Legitimasi

**4 [7.0%] P&P**

- Penyediaan laporan kemajuan & penilaian
- Penilaian melalui kajian maklumbalas, *public engagement*, *post mortem*, kajian impak, dll.




**46 [80.7%] P&P**

**Penyebarluasan** melalui :

- Titah KDYMM, Sabda DPMM
- Ucapan YB Menteri
- Surat Keliling / Surat Pemberitahuan
- Minit Tindakan / Edaran
- Jerayawara, *website*, media massa, bahan cetak, dll

**52 [91.2%] P&P**

**Pemantauan** melalui:

- *Management commitee*
- Kumpulan Tindakan
- *Balanced Scorecard Team*, dll

**3 P&P**

dinilai **setiap** jabatan

3PSA

Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang

## **Dapatan penilaian** 19 jabatan yang dinilai tahun kewangan 2016/2017 & 2017/2018 **mengikut skop**

### **Skop 3**: Sumber Manusia

Pembolehdaya ***(Enablers)*** & Pencapaian ***(Results)***

| **SK JPM bil 27/1984** Pemantauan pencapaian 7.5 jam waktu bekerja | **SK JPM bil 3/2003** Penyediaan laporan 100 jam latihan pegawai & kakitangan | **SK JPM bil 3/2019** Pengemaskinian sistem pengurusan prestasi baru perkhidmatan awam |
|---|---|---|

***Enablers***

**Jumlah jabatan menyediakan dan melaksanakan perkara berikut:**




** : Purata % pegawai & kakitangan yang telah dinilai berbanding jumlah keseluruhan pegawai & kakitangan di 19 jabatan*

***Results***

% **pencapaian 7.5 jam** waktu bekerja: 1 jabatan mencapai **70.4%** dan pencapaian jabatan selebihnya di bawah 50%

Dari 19 jabatan yang dinilai: **16 jabatan(84.2%) majoriti Sangat Baik**; **3 jabatan (15.8%) majoriti Cemerlang**

% **pencapaian 100 jam** latihan: Pencapaian kesemua jabatan adalah di **bawah 50%.**

% **kepuasan hati**:
- ✓Hanya 1 jabatan membuat penganalisaan % kepuasan hati **[84%]**
- ✓Jabatan lain tiada membuat penganalisaan kajian / masih dalam pelaksanaan

## **Skop 4**: Pemedulian Pelanggan

Pembolehdaya ***(Enablers)*** & Pencapaian ***(Results)***

**3 perkhidmatan** dinilai **setiap** jabatan

**TPOR & MPK**

**54 perkhidmatan** dinilai [19 jabatan]

**TPOR : 23 perkhidmatan [42.6%]**
mencapai tahap **Sangat Baik & Cemerlang**
[menepati TPOR]

**MPK : 10 perkhidmatan [18.5%]**
mencapai tahap **Sangat Baik & Cemerlang**
[proses kerja selaras & diamalkan]



3PSA

Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang

## **Pencapaian 3PSA secara keseluruhan** bagi **19 jabatan** yang telah dinilai **tahun kewangan 2016/2017 dan 2017/2018**




| Skop | Markah Penuh | Markah Purata | Markah Terendah | Markah Tertinggi |
|---|---|---|---|---|
| Skop 1 : Strategi & Pelaksanaan | 30 | 14.2 [47.2%] | 0.3 [0.8%] | 26.0 [86.5%] |
| Skop 2: Dasar & Pelaksanaan | 20 | 13.4 [67.1%] | 6.8 [33.8%] | 18.1 [90.5%] |
| Skop 3 : Sumber Manusia | 20 | 4.0 [41.8%] | 5.0 [25.0%] | 14.2 [70.8%] |
| Skop 4: Pemedulian Pelanggan | 30 | 16.1 [53.8%] | 4.8 [15.8%] | 21.7 [72.2%] |
| Pembolehdaya [Enablers] | 40 | 26.2 [65.5%] | 13.3 [33.1%] | 35.3 [88.3%] |
| Pencapaian [Results] | 60 | 25.9 [43.2%] | 11.2 [18.6%] | 40.9 [68.2%] |
| Keseluruhan | 100 | 52.1% | 24.5% | 73.1% |

◆ Markah terendah di kalangan jabatan yang dinilai

● Purata markah diperolehi 19 jabatan yang dinilai

◆ Markah tertinggi di kalangan jabatan yang dinilai

## Apakah **Cabaran** dalam **mencapai objektif 3PSA** untuk memastikan perkhidmatan awam ditahap yang cemerlang?

Antara objektif 3PSA adalah untuk memastikan **penyampaian perkhidmatan** berada **di tahap yang cemerlang.**

Merujuk kepada **purata pencapaian 19 jabatan** yang dinilai **mengikut tahap pencapaian, cabaran** adalah untuk **mengurangkan jurang (gap)** bagi mencapai tahap cemerlang.



3PSA

Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang

## **Jabatan** yang **telah dinilai** bagi tahun kewangan **2018/2019**

**Tujuh (7) jabatan** telah dinilai bagi tahun kewangan 2018/2019

- **JPA** – Jabatan Perkhidmatan Awam
- **Pejabat SPA** – Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- **JPAM** – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
- **IPA** – Institut Perkhidmatan Awam
- **POS** – Jabatan Perkhidmatan Pos
- **Perikanan** – Jabatan Perikanan
- **MUIB** – Majlis Ugama Islam Brunei

**Petikah Titah** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-23.
23 Februari 2007

"...Di antara cabaran paling mencabar ialah kesediaan kita **mengakui kelemahan** yang ada, di samping tidak pula lambat untuk **membuat pembaikan-pembaikan.** Dalam perkhidmatan awam, kita dikehendaki **berfikiran terbuka** untuk **mengatasi kelemahan-kelemahan** yang ada, dan juga bersikap **pro-aktif** untuk memperolehi **kecemerlangan**..."

# ANUGERAH INOVASI PERDANA
# (AIP)

## PENGENALAN

Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan memperkenalkan Anugerah Inovasi Perdana (AIP) yang mana ianya merupakan kesinambungan kepada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam Negara Brunei Darussalam melalui penaiktarafan dan penggabungan antara Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).

Pelaksanaan AIP ini juga adalah sepertimana menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25 pada 22 Safar 1440 bersamaan 31 Oktober 2018, yang antara lain titah Baginda;

***"Menyentuh inovasi dalam Perkhidmatan Awam, Beta menyambut baik inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam yang meneliti semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam dengan memperkenalkan satu anugerah baru yang dikenali sebagai 'Anugerah Inovasi Perdana', seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam. Beta percaya dengan adanya anugerah ini nanti, dapatlah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam. Inilah harapan semua dan harapan negara."***

Pada tahun ini, anugerah ini khusus untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan bagi kementerian dan jabatan kerajaan secara berkumpulan dan perseorangan melalui kertas projek yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**MATLAMAT**

- Menggalakkan inovasi dalam urustadbir baik *(good governance)* dalam Perkhidmatan Awam;
- Menghargai keunggulan dan kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam;
- Meningkatkan lagi motivasi dan galakan kepada penjawat awam untuk lebih giat dalam melaksanakan inovasi di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing;
- Meningkatkan profesionalisma dalam Perkhidmatan Awam;
- Meningkatkan imej Perkhidmatan Awam; dan
- Mengumpulkan dan menyebarluaskan amalan terbaik *(best practices)* atau kaedah yang berjaya dan berkesan yang boleh dijadikan sebagai contoh *(role model)* kepada agensi-agensi sektor awam yang lain.

## AHLI-AHLI PENILAI BAGI PANEL PENILAIAN DAN PEMILIHAN ANUGERAH INOVASI PERDANA 2019



Yang Mulia Dr. Awang Norfarizal bin Othman
*Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*
*Jabatan Perkhidmatan Awam*
(Selaku Ketua Penilai)

Yang Mulia Dayang Hajah Noor Airah binti Haji Abd Rahman
*Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*
*Jabatan Perkhidmatan Awam*
(Tiada dalam gambar)

Yang Mulia Dayang Hajah Roslizawati binti Haji Ibrahim
*Penolong Pengarah Institut Perkhidmatan Awam*
*Institut Perkhidmatan Awam*

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah
*Head of Government Relations and Special Projects*
*Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)*

Yang Mulia Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latif
*Co-founder of Suhbe Co., Suhbe Co.*
*Negara Brunei Darussalam*

Yang Mulia Dr. Dayang Fadzliwati binti Mohiddin
*Ketua Pensyarah*
*Universiti Teknologi Brunei (UTB)*

Yang Mulia Awang Haji Idham Maswadi bin Haji Mashud
*Pensyarah*
*Universiti Teknologi Brunei (UTB)*

# KUMPULAN-KUMPULAN YANG MENYERTAI ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)

# JABATAN PERDANA MENTERI

1

## KUMPULAN : PAYU
## Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)
## Tajuk Projek : *"PERKHIDMATAN TALIAN DARUSSALAM 123"*



**AHLI-AHLI**

Dayang Norramemi binti Sahari, Jurutera Sistem
Dayang Rusiah binti Haji Matyassin, Penjadual

**SINOPSIS**

Perkhidmatan Talian Darussalam 123 (TD123) adalah merupakan perkhidmatan pusat panggilan kebangsaan beroperasi 24 jam sehari bagi mendukung perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan berbentuk bukan kecemasan di agensi-agensi kerajaan. Projek penubuhan perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan selama enam (6) bulan bermula September 2013 dan mula beroperasi bagi penggunaan orang ramai pada bulan Mac 2014.

Pusat panggilan ini adalah di antara usaha kerajaan dalam memberikan kemudahan untuk orang ramai menghadapkan aduan, pertanyaan dan bagi mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan dengan hanya menghubungi satu *platform* yang mudah dan senang diingati.

Bermula dengan penyerapan empat (4) agensi, kini pusat panggilan TD123 mempunyai lima belas (15) agensi utama yang merangkumi pecahan lebih dari tiga puluh (30) jabatan.

Turut diperkenalkan adalah kepelbagaian saluran penghubung yang tidak hanya tertumpu kepada penggunaan *hotline* sahaja tetapi telah dilaratkan kepada penggunaan emel, borang atas talian, *platform* sosial media dan aplikasi perhubungan mudah alih.

Kertas projek ini akan mengetengahkan faedah-faedah yang telah berjaya dihasilkan dalam pelaksanaan projek TD123. Ini adalah termasuk penjimatan 53% yang telah dihasilkan dan inovasi yang digunakan dalam penyelenggaraan projek, pengurusan belanjawan serta penerapan teknologi baru.

Turut diketengahkan adalah cabaran-cabaran yang telah dihadapi dan pelan yang dirancang bagi peningkatan kedayatahanan perkhidmatan ini di masa akan datang.

Pusat panggilan TD123 adalah dihasratkan untuk menjadi bukan sekadar pusat panggilan, bahkan ianya dihasratkan untuk menjadi pusat yang turut mendorong kecanggihan dari aspek tenaga manusia, teknologi dan proses bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam.

2

**KUMPULAN : THE ACHIEVERS**
**Jabatan Percetakan Kerajaan**
**Tajuk Projek : "*SISTEM PENGURUSAN PERCETAKAN*"**



**AHLI-AHLI**

Awang Haji Kamarul Azam bin Haji Mohamad, Pemangku Pengarah Percetakan
Awang Muhammad Nazreen bin Haji Amin, Pereka Tingkat I
Dayang Hajah Nor Khadijah binti Haji Donglah, Pegawai Perolehan
Dayang Hajah Rosnani binti Haji Kula, Pembantu Pencetak Kanan
Awang Mohmad Shahrul Azrin bin Mohmad Bekeri, Pembantu Pencetak Kanan
Awang Mohamed Hairol bin Abdulkhan, Pereka Tingkat II

**SINOPSIS**

Projek ini dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pengumpulan data dan penyediaan laporan kerja-kerja percetakan seperti masalah keterangan tempahan percetakan yang tidak betul, kesukaran dalam mengetahui status penyiapan produk cetakan, masalah kelambatan dalam menambah stok produk-produk jualan dan stok bahan-bahan percetakan, ketiadaan sistem pemantauan terhadap status pemeliharaan mesin-mesin yang rosak dan kesukaran dalam menyediakan statistik percetakan.

Satu sistem maklumat atau pangkalan data yang dapat digunasama oleh Bahagian-Bahagian yang terlibat dalam proses kerja percetakan adalah diperlukan yang bertujuan

bukan sahaja bagi merekodkan keterangan-keterangan tempahan, tetapi juga untuk mempercepatkan proses kerja dan mengurangkan pembaziran. Selain itu, sistem maklumat juga diperlukan bagi menyediakan laporan-laporan terkini yang dapat digunakan untuk tujuan pemantauan, perancangan, pengawalan dan membuat keputusan.

Disebabkan tiada peruntukan yang disediakan untuk membeli sistem maklumat berkenaan, pihak Jabatan Percetakan Kerajaan (JPK) telah membangunkan sendiri perisian yang dinamakan Sistem Pengurusan Percetakan (SPP) sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang dinyatakan di atas. Ianya bukanlah satu perkara yang mudah dibuat kerana membangunkan perisian komputer menggunakan *coding* dan *programming language* adalah satu tugas yang kompleks, mencabar dan memerlukan kemahiran, komitmen, kesabaran dan inisiatif yang tinggi.

Kaedah pengurusan *Delivery Approach* yang digunakan dalam pelaksanaan projek ini ternyata telah berjaya menghasilkan SPP dalam tempoh singkat iaitu selama lima (5) bulan.

Sejak mula digunakan pada 1 September 2018, SPP telah terbukti berkesan dan memberikan impak yang positif kepada organisasi, proses kerja, kakitangan dan pelanggan. Antaranya termasuklah meningkatkan ketelusan, memudahkan pemantauan terhadap status tempahan percetakan, meningkatkan komitmen dan kerja berpasukan kakitangan serta memudahkan penyediaan laporan.

3

**KUMPULAN : SPA**

**Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam**

**Tajuk Projek : *"PUBLIC SERVICE COMMISSION COMPUTERISED ASSESSMENT MANAGEMENT SYSTEM (PSC-CAMS)"***



**AHLI-AHLI**

Pengiran Hajah Sarimah binti Pengiran Haji Metali, Penolong Kanan Setiausaha
Awang Zulhilmi bin Ahmad Sherjawi, Pegawai Kerja
Dayang Norafiqah binti Rahim, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I

**SINOPSIS**

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bertanggungjawab selaku urusetia kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana salah satu fungsinya adalah melaksanakan proses pengisian jawatan kosong bermula dari pengiklanan, penerimaan permohonan, perakuan calon, ujian, temuduga, penyediaan kertas mesyuarat dan tawaran jawatan.

Pada kelazimannya, jika jumlah calon yang memenuhi syarat adalah ramai, Pejabat SPA akan menjalankan sesi ujian terlebih dahulu bagi memperakukan calon-calon tersebut. Sesi ujian dilaksanakan secara manual iaitu menggunakan kertas dan pensil. Calon-calon yang diperakukan selepas ujian akan seterusnya menjalani sesi temuduga untuk memilih calon atau calon-calon yang bersesuaian bagi jawatan kosong yang hendak diisikan.

Melalui analisis masalah, Pejabat SPA menghadapi beberapa cabaran dan masalah yang sering terjadi sebelum, semasa dan selepas ujian. Pejabat berhasrat untuk mengurangkan atau sekaligus menyelesaikan cabaran dan masalah yang dihadapi oleh Unit Ujian dengan memperkenalkan cara baru bagi calon menduduki ujian.

Pada tahun 2017, Pejabat SPA telah memperkenalkan satu kaedah ujian baru yang mana ujian bertulis telah digantikan dengan ujian secara berkomputer. Kaedah ini menggunakan satu sistem perisian yang dibuat secara *in-house* oleh seorang pegawai di Pejabat SPA dan membuat sasaran untuk dijalankan secara berperingkat kepada jawatan-jawatan dari Bahagian II hingga V.

Projek ini mula dijalankan bermula pada bulan September 2016 sehingga pelaksanaan projek berkenaan pada bulan September 2017 dengan melibatkan beberapa pihak di dalam Pejabat SPA.

Untuk membuat penyelidikan mengenai projek ini, kaedah soalan kaji selidik telah digunakan bagi mendapatkan data melalui sesi ujicuba dan juga ujian-ujian sebenar yang dijalankan.

4

**KUMPULAN : ITEG**
**Bahagian IT dan E-Kerajaan (ITEG),**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Tajuk Projek : *"PENGURUSAN BERKESAN MELALUI INTRANET"***



**AHLI-AHLI**

Awang Haji Mohidin bin Haji Mus, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Dayang Rozianah binti Haji Abdul Karim, Penganalisa Sistem Kanan
Awang Ong Pei Hsia, Penganalisa Sistem
Dayang Hajah Norsham binti Haji Abd Razak, Penganalisa Sistem
Dayang Hajah Mona Nurdiyana binti Haji Mohamad, Penganalisa Sistem
Dayang Syakira binti Dato Seri Awang Haji Yusoff, Penganalisa Sistem
Awang Haji Muhammad bin Haji Maidin, Penyelia Sistem

**SINOPSIS**

Perkembangan Teknologi Info-Komunikasi (ICT) telah banyak membantu meningkatkan penggunaan teknologi komputer dan memudahkan pemprosesan data secara manual menjadi otomatik serta bersistematik.

ICT telah terbukti membantu organisasi terutamanya kepada pihak pengurusan dan pengguna untuk menghasilkan maklumat yang berguna, relevan, tepat, dapat difahami serta dapat membantu dalam membuat keputusan dan memberi kemudahan dalam mengolah, mengelola dan menyajikan maklumat. Sistem maklumat mampu meningkatkan

prestasi individu mahupun prestasi organisasi, menambah nilai *(value added)* di antara pihak berkepentingan dalaman *(internal stakeholders)* dan luaran *(external stakeholders)*.

Projek yang dilaksanakan ini menjurus kepada pengurusan berkesan melalui *Intranet* bertujuan bagi mendukung Strategi Jabatan Perdana Menteri 2015-2020 *(IP4–Internal Process: Increase utilization of IT and Operational Efficiency)* dan *Digital Government Strategy* 2015-2020 *(Optimising Digital Assets)*.

Dari tahun ke tahun, data-data yang dikumpul dan diproses oleh organisasi semakin bertambah setiap hari melalui secara manual / kertas mahupun *digital*. Justeru, usaha pembaikan proses yang berterusan perlu dilaksanakan agar pemaparan dan pengolahan maklumat secara *digital* dapat diperkembangkan dan sangat penting untuk dimanfaatkan. Dalam hal ini, Bahagian IT dan E-Kerajaan (ITEG), Jabatan Perdana Menteri telah menggunakan *platform Microsoft Sharepoint 2013* melalui *Intranet* yang telah disediakan oleh Kerajaan melalui Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) semenjak beberapa tahun yang lalu.

Secara umumnya pelaksanaan aplikasi atau sistem yang dibangun dalam *Intranet* dengan menggunakan *Microsoft Sharepoint 2013* oleh Bahagian ini telah membolehkan ketersediaan maklumat dan aplikasi secara *online* kepada semua pegawai dan kakitangan serta telah dapat meningkatkan kecekapan Bahagian ITEG bagi keperluan pihak Pengurusan. Kejayaan pelaksanaan aplikasi-aplikasi tertentu berpotensi untuk dilaratkan ke agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya ke seluruh agensi-agensi di Perkhidmatan Awam.

5

## KUMPULAN : JKED
## Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
## Tajuk Projek : *"MEMUDAH CARA PERMOHONAN KEBENARAN MEMBAWA KENDERAAN (KELUAR / MASUK) MELINTAS SEMPADAN MELALUI POS-POS KAWALAN "*



**AHLI-AHLI**

Awang Mohammad Azrey bin Ibrahim, Penguasa Kastam Kanan
Dayangku Najibah binti Pengiran Haji Abd Aziz / Pengiran Punggut, Pemangku Penguasa Kastam Kanan
Awang Masran bin Haji Ibrahim, Pemangku Penguasa Kastam Kanan
Dayang Aisah binti PMSLDSI Pengiran Haji Damit, Penjadual
Awang Muhammad Hafiz bin Haji Padil / Kadir, Pegawai Pemeriksa
Dayang Khairul Bariah binti Ahmad, Pemangku Penolong Pengawal Kastam
Dayang Hajah Rusidah binti Haji Hidup, Penolong Pengawal Kastam
Dayang Khairin Ainie binti Khir Anuar, Pegawai Pelatih Kastam (IREADY)

**SINOPSIS**

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) adalah antara agensi yang berperanan memantau dan mengawal pergerakan barang-barang import dan eksport ke Negara Brunei Darussalam oleh para pedagang ataupun orang persendirian dengan perpandukan kepada Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006, serta mana-mana perundangan, peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa pada masa ini di Negara Brunei Darussalam.

Di bawah prosedur pergerakan kenderaan keluar dan masuk sempadan, orang awam dan pedagang adalah dimestikan untuk mendapatkan kebenaran membawa masuk / keluar sementara kenderaan yang digunakan merentas sempadan. Lazimnya, orang awam dan pedagang akan melengkapkan borang (borang biru bagi kenderaan di dalam negeri atau borang merah bagi kenderaan dari luar negara) lebih awal sebelum membuat urusan di Pos Kawalan. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang awam dan pedagang yang baharu mengisi borang di kaunter JKED disebabkan terlupa atau kebenaran telah luput. Keadaan di Pos-Pos Kawalan akan menjadi tidak teratur disebabkan beberapa orang awam yang tidak mengikut giliran dengan berjalan kaki dan berbaris bagi menyerahkan borang kepada Pegawai JKED terutama pemandu motorsikal. Terdapat juga orang awam dan pedagang yang turun dari kenderaan untuk mendapatkan borang-borang kosong bagi kegunaan masa hadapan bagi mengelakkan kelambatan semasa berurusan di Pos Kawalan.

Oleh yang demikian, JKED mewujudkan sistem atas talian *Vehicle Exit / Entry System (VES)* bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dalam mendapatkan kebenaran keluar / masuk sementara kenderaan. Projek ini juga telah mengenalkan penggunaan mesin pengimbas *QR Code* bagi memudahkan entri data tanpa perlu melibatkan Pegawai JKED. Impak yang paling besar yang mendokong objektif projek ialah di mana JKED tidak perlu lagi mencetak borang biru atau merah. Malahan, orang ramai tidak perlu lagi untuk berbaris atau memotong barisan untuk menunjukkan borang biru atau merah kepada Pegawai JKED yang bertugas. Antara lain faedah yang tidak ketara ialah perjalanan kenderaan di Pos-Pos Kawalan lebih teratur, tanpa ada kenderaan memotong disebabkan sudah awal menguruskan pas kenderaan.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

6

### KUMPULAN : LIFESAVER995
### Jabatan Bomba dan Penyelamat
### Tajuk Projek : *“KEROSAKAN DAN KEHILANGAN PILI-PILI BOMBA DI SELURUH NEGARA MENINGKAT”*



**AHLI-AHLI**

Awang Muhamad Ali bin Hassan, Penolong Penguasa
Awang Haji Abdullatif bin Haji Badar, Pegawai Balai
Dayang Ruhaini binti Haji Ali, Timbalan Pegawai Balai
Awang Mohd Azize bin Othman, Penolong Pegawai Balai
Awang Kamalzurzaman bin Musa, Ahli Bomba Kanan

**SINOPSIS**

Projek ini menfokuskan keperluan bagi keselamatan dan penjagaan Pili Bomba *(Fire Hydrant)* adalah perlu sentiasa dalam keadaan baik.

Bagi melancarkan penggunaan Pili Bomba *(Fire Hydrant)* bertujuan untuk mendapatkan sumber air bagi memadam sebarang kebakaran yang bersesuaian dengan kaedah menggunakan air. Dengan adanya kecepatan sumber air diperolehi atau diterima melalui Pili Bomba *(Fire Hydrant)*, ianya mengawal kebakaran dari merebak ke tempat lain, sekaligus dapat menyelamatkan nyawa dan harta benda. Projek ini menumpukan perhatian kepada pihak-pihak berkenaan khususnya orang ramai masyarakat setempat yang tinggal di kawasan yang dibekalkan mempunyai Pili Bomba *(Fire Hydrant)*.

Pili Bomba *(Fire Hydrant)* adalah satu alat perkakas kegunaannya untuk membolehkan penyambungan saluran pengalir *(hose)* atau *standpipe* ke saluran paip besar dan boleh mengawal pengeluaran air bila-bila masa dikehendaki. Ianya sebagai aset Kerajaan yang menelan belanja kewangan yang besar untuk dipasang di mana-mana kawasan yang strategik dan disediakan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam dengan berbagai jenis mengikut keutamaan. Penggunaannya hanyalah khusus kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat sewaktu kebakaran dan semasa bencana manakala pada waktu bukan kecemasan, ia adalah untuk mengisi tanker air dari Jabatan Kerja Raya dan sebagainya.

Sebagaimana bidang kuasa penggunaan Pili Bomba *(Fire Hydrant)* adalah diberikan kepada dua pihak sahaja iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat (dalam semasa kejadian kecemasan seperti kebakaran) dan Jabatan Perkhidmatan Air. Adalah menjadi kesalahan di bawah Penggal 121 Akta Perbekalan Air Bab 26(d) yang mengatakan:

> "Barangsiapa dengan tiada kebenaran Penguasa Air mengganggu, membuka atau menutup mana-mana injap, atau kepala paip pemadam api yang dimiliki oleh pekerjaan air dan didapati bersalah, apabila dijatuhi hukuman, dikenakan suatu denda tidak melebihi $50,000.00, dihukum penjara bagi sesuatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali."

Dengan adanya projek ini akan dapat memberikan kesan impak yang positif ke arah pengurangan terjadinya sebarang kecurian, kehilangan dan dirosakkan pada Pili Bomba *(Fire Hydrant)* yang terpasang di mana-mana tempat oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

7

**KUMPULAN : CROP TEC**
**Bahagian Industri Tanaman,**
**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**
**Tajuk Projek : *"TEKNOLOGI PENANAMAN DI KAWASAN TANAH YANG TIDAK SUBUR DAN MENINGKATKAN EFISIENSI PENGGUNAAN BAJA DAN AIR"***



**AHLI-AHLI**

Awang Haji Rusali bin Haji Sapar, Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
Awang Haji Takiyaudin bin Haji Mohmad / Haji Mohamad, Pegawai Pertanian Kanan
Awang Hirman bin Haji Abu, Pegawai Pertanian Kanan
Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar, Pegawai Pertanian
Dayang Saabiqah binti Abd Salam, Pembantu Perkebunan Kanan
Awang Ahmad Faiz bin Haji Zailani, Pembantu Pertanian Kanan
Dayang Nordiah binti Haji Wahab, Pembantu Pertanian
Dayang Siti Noraziah binti Sulai, Pembantu Pertanian Rendah
Pengiran Mohammad Rezal bin Pengiran Haji Osman, Pemeriksa Daging
Awangku Nuruddin bin Pengiran Haji Tejudin, Pekerja Tingkat Khas

**SINOPSIS**

Peningkatan dan pengembangan industri pertanian terhad disebabkan oleh keadaan tanah di banyak tempat kawasan Brunei Darussalam adalah kurang baik, di mana kawasan tersebut mengalami tanah yang masam, kerap banjir atau tekstur tanah tidak sesuai bagi kebanyakan tanaman sayur-sayuran. Penggunaan teknologi sistem fertigasi boleh

digunapakai bagi menyelesaikan masalah tersenarai di atas. Fertigasi adalah penggabungan sistem perairan dan pembajaan yang mampu meningkatkan penghasilan tanaman dan mengurangkan penggunaan bahan-bahan *input*. Sungguhpun, kaedah teknologi ini memerlukan peralatan dan persiapan yang mencukupi untuk menjayakannya, tetapi ia mampu meningkatkan hasil dan memberi pulangan yang lebih lumayan daripada kaedah konvensional.

Kaedah ini mampu mentransformasi sektor pertanian daripada pertanian konvensional kepada pertanian komersial yang lebih lestari.

Ini adalah selaras dengan Wawasan Kerajaan 2035 dan juga menyahut cabaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana pihak Kerajaan mengalu-alukan penglibatan sektor swasta dalam memajukan bidang pertanian.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

8

**KUMPULAN : ITE TEAM**
**Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal,**
**Jabatan Kerja Raya**
**Tajuk Projek : *"IMPROVE REFURBISHMENT, OPERATION AND MAINTENANCE PROCESS FOR EFFICIENCY AND RELIABILITY"***



**AHLI-AHLI**

Dayang Nuraqilah binti Adanan, Jurutera
Pengiran Azman bin Pengiran Haji Metali, Penguasa
Awang Muhammad Isa bin Haji Sabtu, Ketua Pembantu Teknik
Dayang Nazatul Aqilah binti Ikas, Ketua Pembatu Teknik
Awang Teo Seng Huat, *Clerk of Work*
Ampuan Noorhimmah Irawari binti Ampuan Ibrahim, Pengawas Tingkat I

**SINOPSIS**

*The Ministry of Development's strategic plan 2018-2023 includes the optimisation of resources and assets primarily through our efforts for integrated and sustainable development.*

*The ITE Team from Department of Mechanical and Electrical Services have taken the initiative to start a pilot project in line with the Ministry of Development's above strategy. The pilot project is to introduce and implement for the replacement and upgrading of the existing air conditioning and ventilation system cum with fully operation and*

*comprehensive maintenance for Public Works Department HQ Building (Block A and B) for a period of seven (7) years.*

*The unique part of this project is to spread out the cost of the project for the duration of seven (7) years, hence saving the burden of one time significant cash payment for the investment of replacement, upgrading, operational and maintenance. This will allow the client (government) to implement the replacement and upgrading of old air-conditioning system in their building with their available yearly recurrent budget.*

*The above air conditioning system has been designed based on the latest technology and efficiency in line with His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah's Titah in conjunction with His Majesty's 63rd Birthday in 2009, to save energy consumption and usage. It also follows with* Piawaian Brunei Darussalam*, PBD 12 EEC : 2015 Energy Efficiency and Conservation Building Guidelines 2015 for Non-Residential Buildings to promote green design and good practice in local building industry.*

## KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

9

### KUMPULAN : UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

**Bahagian Sumber Tenaga Manusia dan Korporat,**
**Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian**
**Tajuk Projek : *"PROSES PENGAMBILAN JAWATAN BERGAJI HARI MENGGUNAKAN KAEDAH BERINOVASI"***



**AHLI-AHLI**

Awang Ajmin bin Haji Meludin, Pemangku Pengarah Sumber Manusia dan Korporat
Awang Azizul Azri bin Haji Majit, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas
Pengiran Muhd Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas
Dayang Nur Hidayati binti Haji Harith / Haris, Pegawai Projek
Awang Haji Ibnu Khairinuddin bin Awang Haji Ibrahim, Pengurus Sistem Kanan
Dayang Umi Faizura binti Haji Ismail, Jurutera Sistem
Pengiran Izudin Abas bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Awang Haji Hassan bin Haji Mohd Noor, Penolong Pentadbir
Dayang Surainee @ Siti Rahmah binti Haji Mansor, Penolong Pegawai Kerja

**SINOPSIS**

Proses pengambilan pegawai / kakitangan bergaji hari bagi agensi kerajaan lazimnya memakan masa yang lama demi memastikan proses adalah teratur merujuk Tatacara Pengambilan Lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) Secara Bergaji

Hari (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007). Walau bagaimanapun, dengan mengambilkira keperluan segera Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (KTTMP) untuk mengisikan jawatan-jawatan kosong (sepertimana di dalam Waran Perjawatan Bagi Tahun Kewangan 2019/2020) memerlukan kaedah yang lebih berinovasi supaya pengisian jawatan-jawatan kosong secara bergaji hari di dalam kementerian tercapai dengan teratur, cekap, cepat, tepat dan mudah.

Melalui pendekatan penggunaan infrastruktur Infokomunikasi dan Teknologi (ICT) yang sedia ada, rancangan yang teratur, urustadbir yang efektif, kerjasama yang berkesan dan sokongan daripada pihak atasan; KTTMP melalui Bahagian Sumber Manusia dan Korporat telah melaksana Projek Pengambilan 14 Jawatan Bergaji Hari: Mengeluarkan Surat Lantikan Dalam Tempoh Satu (1) Bulan Daripada Tarikh Tutup Iklan.

Hasil daripada pelaksanaan projek menunjukkan bahawa pengambilan pegawai / kakitangan bergaji hari boleh dilaksana dengan cepat dan teratur. Walau bagaimanapun, projek yang tidak pernah dilaksana sebelumnya di KTTMP ini telah menyebabkan kompleksiti yang tertentu yang mana menyebabkan objektif utama projek tidak dapat dicapai sepenuhnya. Pengukuhan beberapa aspek-aspek tertentu di dalam proses pelaksanaan setentunya akan dapat menunjukkan hasil yang lebih baik.

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

10

**KUMPULAN : LANGEN BECK**
**Program Kejururawatan Perbidanan,**
**Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB),**
**Institut Sains Kesihatan, Universiti Brunei Darussalam**
**Tajuk Projek : *"KAEDAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PEMBELAJARAN SIMULASI KURSUS KEJURURAWATAN BILIK BEDAH YANG INOVATIF DAN KOS EFEKTIF"***



### AHLI-AHLI

Awang Mursidi bin Haji Ali, Penolong Pensyarah
Dayang Maziah binti Haji Masli, Pembantu Makmal
Dayang Nurhaifa Aqilah binti Awang Ziadi, Pelajar
Dayang Amirah binti Muhammad Badri @ Amirah binti Beatle, Pelajar
Awang Abdul Hadi Zulhiqman bin Abdul Rahim, Pelajar
Awangku Mohammad Amirul Amin bin Pengiran Haji Metasin, Pelajar

### SINOPSIS

Mengikut kajian daripada luar negara, kaedah pembelajaran menggunakan simulasi dalam pembelajaran merupakan satu cara yang lebih efektif bagi menggantikan *real clinical scenario* dan berkesan bagi penyediaan kompetensi pelajar-pelajar sebelum menceburi praktikal penempatan di hospital. Walau bagaimanapun, penyediaan peralatan bilik simulasi memerlukan teknologi moden dan kos yang tinggi.

Pada 2017, projek inovasi bagi menaiktaraf Bilik Pembedahan Simulasi, PAPRSB Institut Sains Kesihatan, UBD dengan menggunakan barang asas berkos rendah serta kitar semula telah pun diungkayahkan.

Projek berkenaan bertujuan untuk meningkatkan penyampaian pembelajaran kejururawatan bilik bedah, menambahbaikan kualiti pembelajaran, mendorong sikap berdikari dan berhemah, serta memastikan keselamatan orang awam semasa menjalani pembedahan.

Sebanyak empat (4) buah projek bagi membuat barang-barang asas bilik bedah telah pun berjaya direplika. Dengan menelan belanja kurang dari lima puluh ringgit Brunei bagi setiap projek, bilik pembedahan simulasi kini telahpun hampir lengkap dengan adanya lampu-lampu bilik bedah, mesin *diathermy* serta kaunter jururawat. Pembelajaran pelajar-pelajar berjalan dengan lebih efektif dan realistik. Pelajar-pelajar juga merasa lebih bersedia menjalani penempatan klinikal dan menyumbang kepada cara penjagaan orang awam dengan lebih cekap.

Projek inovasi ini membutikan penggunaan barang-barang berkos rendah dan kitar semula juga efektif bagi menyediakan suasana simulasi yang sebanding dengan teknologi moden. Ianya juga menjurus kepada pelbagai faedah dari segi penyediaan keterampilan jati diri pelajar-pelajar sebagai aset Perkhidmatan Awam di masa akan datang, serta mendokong kemajuan negara dari segi ekonomi dan pembangunan profesi kejururawatan.

**11**

## KUMPULAN : AT TAFANI WAL ILTIZAM
